

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
[ BATANG SADONG ]**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI [ BATANG SADONG ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk memperkenalkan semula Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan menyatakan program untuk membantu pekebun yang kehilangan sumber pendapatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) yang dilaksanakan sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) telah digantikan dengan Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS). Skim TSPKS adalah program yang dirancang secara teliti berdasarkan formulasi yang terbaik mengikut situasi ekonomi semasa negara. Skim ini juga dirangka mengikut keperluan terkini para pekebun kecil sawit persendirian dalam melaksanakan aktiviti penanaman semula. Skim ini adalah terbuka kepada mereka yang mempunyai pokok sawit berumur melebihi 25 tahun dan ke atas dengan had maksimum pembiayaan seluas 6.5 hektar. Kerajaan telah merangka skim TSPKS ini agar tidak membebankan para pekebun kecil sawit dengan kadar faedah yang rendah, tempoh moratorium selama 48 bulan, tiada cagaran dan tiada penjamin.

## SOALAN NO : 20

Skim pembiayaan TSPKS ini juga adalah selari dengan apa yang ditawarkan kepada para pekebun kecil tersusun di bawah rancangan FELDA yang diberi dalam bentuk pinjaman untuk program tanam semula sawit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pilihan yang terbaik bagi membantu para pekebun kecil sawit dalam meningkatkan sumber pendapatan adalah melalui pelaksanaan integrasi tanaman dan ternakan. Hasil daripada program integrasi ini boleh menjana pendapatan sampingan kepada pekebun kecil sawit.

Pekebun kecil sawit amat digalakkan untuk melaksanakan projek integrasi tanaman yang sesuai ketika sawit masih di peringkat muda iaitu 1 hingga 3 tahun. Tanaman seperti pisang, kacang tanah, nanas, tebu, keledak, tembikai, jagung, betik, sayur-sayuran dan lain-lain tanaman jangka pendek adalah sesuai ditanam di ruang-ruang yang kosong antara barisan sawit muda. Strategi memaksimuman penggunaan tanah ini dapat menjana pendapatan yang lumayan kepada pekebun kecil sawit jika dilaksanakan secara sistematik.

Bagi membolehkan integrasi tanaman dengan sawit dijalankan ketika sawit telah matang iaitu berumur lebih 3 tahun, MPOB telah membangunkan sistem tanaman sawit dua baris kembar. Sistem ini dapat meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang untuk pelaksanaan integrasi tanaman dengan sawit. Melalui sistem ini, integrasi tanaman boleh dilaksanakan dalam jangka masa yang panjang dan tidak terhad ketika sawit masih muda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, integrasi ternakan ruminan juga sesuai dilaksanakan apabila sawit telah matang iaitu ketika tanaman berumur 5 tahun dan ke atas. Persekitaran kebun sawit yang matang dapat membantu tumbesaran dan pembiakan ternakan seperti lembu, kambing dan biri-biri.

Sekian, terima kasih.